

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Tuan Charles Anthony Santiago
[Klang]**

TARIKH :

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah kementerian untuk
menyiapkan rancangan check dam yang baru di kawasan Johan Setia,
Klang. Sudahkan pihak Kementerian membuat perubahan kepada
undang-undang supaya menjadi menjadi penghalang kepada insiden
pembakaran terbuka?

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah membina sebanyak 5 unit *check dam* di kawasan Johan Setia, Klang, Selangor iaitu 2 unit pada tahun 2009 , 1 unit pada tahun 2010 dan 2 unit pada tahun 2011 bagi mengekalkan paras air di kawasan tersebut. Bagi tahun 2015, pihak Kementerian tiada perancangan bagi membina *check dam* baru di kawasan Johan Setia, Klang, Selangor.

Mengenai pindaan undang-undang berkaitan mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 , pihak Kementerian masih dalam proses perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara (JPN) bagi mempertimbangkan nilai kompaun yang lebih tinggi sebagai "*deterrent*" terhadap kesalahan melakukan pembakaran terbuka.

Sekian, terima kasih.